

Kenaikan gaji bergantung pada ekonomi — Mahathir

PORT DICKSON 22
Julai — Perdana Menteri,
Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini
inembayangkan kemungkinan kerajaan menaikkan gaji kakitangannya memandangkan keadaan ekonomi yang semakin pulih.

Bagaimanapun, kata beliau, kerajaan perlu membuat perkiraan lanjut mengenainya terlebih dahulu.

“Seperti yang telah saya nyatakan, kita terpaksa memikirkannya dulu. Kita tidak boleh membuat sesuatu keputusan begitu saja,” katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Pesta Port Dickson '88 di sini petang ini.

“Walaupun ekonomi kita pulih, yang menjual hasil kita ialah pihak lain, hasilnya (cukai) kita belum tahu lagi,” katanya.

“Kemungkinan naik gaji itu ada tetapi kenalah tunggu dulu,” tegasnya lagi ketika dikerumuni oleh para pemberita yang meminta beliau mengulas lanjut tentang bayangan yang dibuatnya ketika berucap di majlis tersebut.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, tanda-tanda pemulihan ekonomi sudah semakin ketara dan pendapatan kerajaan melalui cukai tujangka meningkat.

“Bila pendapatan negara telah meningkat, ada kemungkinan gaji akan dinaikkan,” katanya tetapi menarik perhatian bahawa kemungkinan itu tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pelaburan tidak dapat ditingkatkan.

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri berkata, peningkatan eksport isian komputer berjumlah \$7,000 juta dan pa-kaian berjumlah \$2,000 juta serta hasil

ain termasuk bijih timah adalah bukti pemulihan ekonomi negara.

“Penjualan Proton Satria juga sudah meningkat jika dibandingkan dengan tahun lalu. Negara ini mempunyai potensi pembangunan yang baik,” jelas Datuk Sri Dr. Mahathir lagi.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan berjaya memulihkan ekonomi negara masih ada segelintir orang yang sengaja menimbulkan bermacam-macam masalah.

“Mereka ini menuntut itu dan menuntut ini. Mereka juga sering kemahkamah tanpa berhenti-henti, bermacam-macam masalah yang mereka bawa,” tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, usaha-usaha pihak tertentu itu perlu diatasi segera kerana jika tidak pertumbuhan ekonomi tidak dapat dinikmati dengan segera.

Bagaimanapun, katanya, negara ini bertuah mempunyai kerajaan yang dapat mengekalkan keamanan dan kestabilan politik. Malah, kestabilan itu lebih baik jika dibandingkan dengan beberapa negara lain.

“Walaupun ada enam atau tujuh orang yang membuat kacau kita masih boleh mentadbirkan negara dengan aman dan perancangan dapat dilaksanakan dengan baik,” katanya.

Mengenai projek projek pembangunan pu-
la. Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak pernah memberi keistimewaan untuk sesuatu atau sesuatu pihak sahaja.

Sebaliknya, kata beliau, sama ada secara langsung atau tidak, setiap projek adalah untuk manfaat setiap pihak.